

**Umat Islam Perlu Terus Hayati Ajaran Al-Quran – Muhyiddin
Bernama
5 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menyarankan umat Islam di Malaysia supaya terus menghayati ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan menjadikannya sebagai amalan kehidupan.

Beliau berkata kemurnian, kesucian serta kesejahteraan yang terkandung di dalam al-Quran yang dihayati sepenuhnya dan diseatikan dalam kehidupan di negara yang rakyatnya majmuk, pasti akan menjadikan Malaysia negara Islam yang dihormati.

"Al-Quran yang sempurna sifatnya sememangnya rujukan terbaik untuk umat Islam keseluruhannya dalam apa juga aspek kehidupan," katanya dalam perutusan sempena Nuzul Quran di sini, hari Ahad.

Muhyiddin berkata rakyat harus bersyukur kerana al-Quran diturunkan untuk menjadi panduan kepada umat Islam menjalani kehidupan sebagai khalifah di muka bumi ini.

"Dalam suasana Ramadan yang diberkati, esok umat Islam akan memperingati satu lagi peristiwa besar iaitu Nuzul Quran atau turunnya al-Quran kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

"Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW pertama kalinya di Gua Hira' pada malam Jumaat bertepatan pada 17 Ramadan iaitu tahun ke-41 keputeraan baginda atau 6 Ogos 610 M.

"Kita memperingati Nuzul Quran kerana keyakinan umat Islam sejagat bahawa al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah satu-satunya rahmat yang sebesar-besarnya kepada umat manusia di seluruh alam," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685765>